**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **71 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,864 kes**. Tiada kes kematian direkodkan.

*2* Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 77 menjadikan jumlah kumulatif 52,711 orang. Seramai 508 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 186 orang di hospital dan 322 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 17 orang dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




Daerah Beaufort bertukar dari zon kuning ke zon hijau. Manakala Lahad Datu berubah dari zon jingga zon kuning.

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu direkodkan.

5 Daripada 71 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 54 kes (76.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lima (5) kes (7%) saringan bergejala, tujuh (7) kes (9.9%) saringan kluster sedia ada serta lima (5) kes (7%) dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil 4,901 unit

- Hospital 644 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.

Peratus penggunaan katil 10.37%.

## B PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAS EKSPRES

Kerajaan Negeri meluluskan SOP Bas Ekspres seperti **Lampiran A.**

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **1,494** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **22,464** orang.

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **285,431** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 5,044 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :

- Papar : satu (1) orang
  - Kinarut : satu (1) orang – gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 77 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 483 lokasi melibatkan seramai 179 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 121 anggota RELA di 128 lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Semporna Kota Kinabalu.

7 Sejumlah 82 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 64 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.6%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Sipitang | 97% |
| 2 | Kunak | 96.5% |
| 3 | Kota Kinabalu | 96.5% |
| 4 | Kinabatangan | 96% |
| 5 | Semporna | 96% |
| 6 | Beluran | 96% |
| 7 | Tenom | 96% |
| 8 | Beaufort | 96% |
| 9 | Ranau | 96% |
| 10 | Papar | 96% |
| 11 | Penampang | 95.5% |
| 12 | Lahad Datu | 95.5% |
| 13 | Kota Belud | 95.5% |
| 14 | Kota Marudu | 95% |
| 15 | Tuaran | 95% |
| 16 | Sandakan | 95% |
| 17 | Kudat | 94.5% |
| 18 | Tawau | 94% |
| 19 | Keningau | 94% |

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**13 Mac 2021**

**LAMPIRAN A**

# 1.1 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (BAS EKSPRES )

## Merangkumi

**Operasi perkhidmatan Bas Ekspres (Seluruh Sabah)**

Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang dan barangan

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | Normal (24 jam) | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | Normal (24 jam) | **Kapasiti Penumpang** | 50% |
| | | | | **Kapasiti Pekerja** | 100% |

**Kemaskini pada 13 Mac 2021 - KKR**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Saringan gejala, suhu & pelitup muka | Pemandu<br>• Perlu menjalani saringan gejala dan memeriksa suhu sebelum memulakan tugas.<br>• Tidak dibenarkan bertugas sekiranya bergejala.<br>• Memakai pelitup muka sepanjang masa bertugas.<br>Penumpang<br>• Perlu menjalani saringan gejala sebelum menaiki bas.<br>• **WAJIB memakai pelitup muka sepanjang masa di dalam kenderaan.**<br>• Mengurangkan interaksi sepanjang masa di dalam kenderaan.<br>• Setiap penumpang yang melintasi ZON perlu mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu.<br>Pemandu/Pengusaha **BERHAK** menghalang penumpang menaiki kenderaan sekiranya bergejala. |
| Pemakluman oleh Pemandu | • Membuat pengumuman peringatan berkala di dalam bas berkaitan pemakaian pelitup muka dan kurangkan interaksi. |
| Had Kapasiti Kenderaan Perkhidmatan Awam/ Penjarakan Fizikal | • Kapasiti bas dihadkan kepada 50% berdasarkan tempat duduk.<br>• Memastikan penjarakan fizikal sentiasa dijaga dan penumpang diminta mengurangkan interaksi. |

2


# 1.1 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (BAS EKSPRES )

## Merangkumi

**Operasi perkhidmatan Bas Ekspres (Seluruh Sabah)**

Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang dan barangan

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | Normal (24 jam) | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | Normal (24 jam) | **Kapasiti Penumpang** | 50% |
| | | | | **Kapasiti Pekerja** | 100% |


**Kemaskini pada 12 Mac 2021 - KKR**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pengesanan & Pendaftaran | • Pemandu dan penumpang digalakkan mengguna pakai aplikasi QR Code bagi mendaftar setiap kali menggunakan perkhidmatan bas melalui aplikasi MySejahtera atau secara manual dengan menulis maklumat diri dan nombor telefon. |
| Mengambil dan menurunkan Peunmpang | • Pengusaha hanya boleh mengambil dan menurunkan penumpang di TERMINAL sahaja.<br>• Bas Ekspres TIDAK DIBENARKAN singgah di mana-mana perhentian termasuklah restoran. |
| Menggalakkan penggunaan fasiliti dan transaksi elektronik | • Menggalakkan pembelian tiket secara online dan pengunaan kad transaksi bukan tunai seperti konsep pas bulanan dan aplikasi touch n go. |
| Menggalakkan penggunaan Hand Sanitizer | • Pemandu dan penumpang digalakkan menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas mengambil/menurunkan penumpang atau penumpang menaiki/menurun kenderaan. |
| Pembersihan dan Sanitasi | • Pembersihan bas dan fasiliti selepas setiap trip serta di terminal setelah tamat waktu operasi. |

3

# 1.1 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (BAS EKSPRES )

## Merangkumi

**Operasi perkhidmatan Bas Ekspres (Seluruh Sabah)**

Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang dan barangan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | **Normal (24 jam)** | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | **Normal (24 jam)** | **Kapasiti Penumpang** | **50%** |
| | | | | **Kapasiti Pekerja** | **100%** |

**Kemaskini pada 12 Mac 2021 - KKR**

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kewajipan Pengusaha | • Melaksanakan saringan gejala dan memeriksa suhu ke atas pemandu dan penumpang.<br>• Menyediakan QR code MySejahtera di setiap bas.<br>• Merekodkan semua maklumat penumpang secara manual atau menggunakan aplikasi MYSejahtera.<br>• Menyediakan hand sanitizer di lokasi perkhidmatan dan di dalam bas.<br>• Menyediakan maklumat terkini berkaitan isu pandemik dan maklumat umum kepada pelanggan.<br>• Pemandu/Pengusaha BERHAK menghalang penumpang menaiki kenderaan sekiranya bergejala. |
| Semburan Sanitasi bas | • Digalakkan membuat semburan sanitasi dalam bas setiap 2 jam perjalanan. |

## Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987